

# **BUDAYA MELAYU DAN CABARAN GLOBALISASI DI MALAYSIA : ANALISIS SEJARAH**

Rahimin Affandi Abd. Rahim,  
Othman Md. Yatim,  
Zainal Abidin Borhan &  
Badriah Nordin, UiTM Machang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

## **Abstract**

*Every human being has the ability to create culture and hence human are the only being that has cultured. Culture can be considered as an interactive system of human with nature that associated with values, beliefs, behaviours and artefacts. The ability to interact with nature forms a basis of scientific knowledge. In nature, every human being from different races has the ability to build a distinctive culture and civilization and these are the characteristics that distinguish human of different communities. This article discusses the Malay culture and the challenges of globalization in Malaysia. Globalization not only touches on relationships between various parts of the world, but is also related to the dissemination of cultures. Based on this, this articles is designed to look at the impacts of globalization on the Malay culture with specific examples.*

## **1. Pengenalan**

Budaya Melayu merupakan asas utama bagi manusia Melayu menjalani kehidupan bermasyarakat telah mampu bertahan lama dan berinteraksi dengan pelbagai budaya yang berbeza, samada budaya Arab, India, Parsi, Cina dan Eropah. Ia mengandungi beberapa perkara yang terbentuk daripada gabungan budi dan daya manusia Melayu. Elemen budaya

merangkumi persoalan bahasa, formula dan norma kehidupan (Noriati 2005), pemikiran (Rahimin Affandi 2004) dan kesenian (Shafie 2000). Namun begitu, dengan datangnya globalisasi, semua budaya masyarakat dunia akan ditenggelamkan dengan budaya barat, yang dianggap sebagai paling bermutu dan bersesuaian dengan kehendak zaman moden. Dengan bantuan Islam dominasi budaya Melayu masih bertahan hingga pada masa sekarang hingga membentuk konsep jati diri Melayu.(Rahimin Affandi 2005).

Di Malaysia, para pejuang dan budayawan Melayu kerap berbangga dengan kata-kata Laksamana Hang Tuah “*Takan Melayu Hilang Di Dunia.*” Kata-kata ini dianggap sebagai kata-kata keramat bagi memperlihatkan keunggulan bangsa Melayu di dunia, yang tidak akan pupus ditelan arus pemodenan (Norazit 1994). Berhadapan dengan kebanggaan ini, penulis berpendapat bahawa survival Melayu hanya akan bertahan lama seandainya teras bangsa Melayu itu, ajaran Islam terus dipertahankan oleh bangsa Melayu. Atas dasar ini, makalah ini seboleh-bolehnya tidak akan menggunakan pendekatan nostalgia di dalam memperincikan sumbangan Islam di dalam kebudayaan Melayu. Sebaliknya, apa yang lebih penting lagi kupasan akan lebih dijuruskan kepada elemen cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kebudayaan Melayu-Islam, di dalam berhadapan dengan isu pemodenan dan globalisasi. Sedapat mungkin kita patut mempelajari sirah perjuangan ulamak Melayu silam di dalam menangani isu pemodenan dan pada masa yang sama masih secara teguh berpegang kepada ajaran Islam yang sejati.

Bagi mencapai matlamat ini, kajian ini akan menggunakan pendekatan kajian yang bersifat *wasatiyyah* (pertengahan dan objektif) (Mohd Kamil 2009) bagi menghasilkan sesuatu kajian yang bersifat adil dan tidak berat sebelah. Maknanya, sebagai metodologi asas, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kritik (terangkum di dalamnya kaedah pensejarahan, perbandingan dan pengamatan semasa) (Maimunah 2004). Selain itu juga, kaedah *analisis kandungan* turut digunakan daripada proses sorotan *literature* terhadap karya primer dan sekunder terhadap isu yang menjadi fokus kajian. Dengan cara ini, penulis dapat mengenalpasti teori yang berkaitan dengan globalisasi yang berkaitan dengan focus kajian ini. Terpenting sekali, teori pilihan ini akan dikaitkan secara langsung dengan realiti tempatan Malaysia, termasuklah faktor perkembangan semasa yang mempengaruhi tafsiran seseorang individu yang terbabit (Hassan 2006). Bagi mengelakkan berlakunya pendekatan *opportunist* (hanya tahu menimbulkan masalah), kajian ini sebaliknya bakal mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan yang

sepatutnya, walaupun cadangan itu dibuat secara tidak langsung (*solutionist*) (Rahimin Affandi 1999).

## 2. Teori Globalisasi Dalam Tamadun Dunia : Analisis Sejarah

Mengikut kupasan para sarjana, jika dilakukan proses dekonstruksi iaitu usaha mengkaji asal usul pemikiran yang menghasilkan penjajahan silam (kolonialisme barat) kita sedar dengan keburukannya (Mohd Hazim Shah 2005). Globalisasi bukanlah fenomena baru, ianya pernah berlaku di dalam sejarah manusia sejagat (Abdul Rahman 2000). Pertamanya globalisasi timbul dengan perkembangan perdagangan secara berhemah dan penyebaran agama Islam di Alam Melayu daripada tanah Arab dan kawasan Indo-Pakistan. Impak positifnya boleh dilihat apabila masyarakat Melayu menerima Islam dan membangunkan tamadun material dan intelektual yang cukup tinggi (Osman 2003). Globalisasi gelombang kedua berlaku dengan kedatangan pelbagai kuasa penjajah barat yang bersifat menindas (contohnya pihak barat membahagikan dunia kepada dunia dan kawasan tanah jajahan, wujudnya perniagaan hamba, rosaknya demografi penduduk pribumi dengan datangnya bangsa imigran asing dan lahirnya ilmu orientalis yang sebar idea kelemahan bangsa dijajah yang kekal sehingga pada masa sekarang) Abdul Rahman (2005) Dasar penjajah telah meninggalkan kesan epistemologi negatif yang kekal sehingga selepas Malaysia merdeka. Dasar-dasar itu adalah yang berikut;

- i. Seandainya kemajuan dan pembangunan mahu dilaksanakan, negara bekas tanah jajahan (negara sedang membangun) perlu menjalankan sistem barat yang bernuansa fahaman sekular dalam segenap segi kehidupan.
- ii. Semua sistem yang bertentangan dengan pandangan alam barat seperti sistem Melayu-Islam akan dianggap sebagai ketinggalan zaman dan hanya mementingkan suatu etnik tertentu semata-mata.
- iii. Memperkenalkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu seperti berikut:
  - a) Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan – manusia bebas melakukan sesuatu program pembangunan tanpa mempedulikan kuasa tuhan.
  - b) Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama.
  - c) Pengenalan sistem penilaian nisbi/relatif terhadap agama; manusia bebas menentukan masa depannya sendiri.

- d) Penurunan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama – tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan.
- e) Penakrifian konsep kebenaran yang keliru dan mengikut paradigma sekularisme (Mohd Hazim Shah 2005).

Atas dasar ini, globalisasi sekarang yang didominasi oleh kuasa bekas penjajah termasuk TNC, seperti yang diulas oleh sarjana barat sendiri, barang pasti akan membawa agenda yang sama seperti zaman penjajahan silam. Secara jelas, bangsa Caucasian yang menganggap diri mereka lebih mulia sehingga boleh mengatur kehidupan bangsa lain melalui konsep *New World Order* yang bersifat bias kepada kepentingan mereka, sehingga sanggup melancarkan pencerobohan terhadap mana-mana negara yang enggan mematuhi syarat mereka.

### **3. Impak Globalisasi Terhadap Budaya Melayu**

Kita dapat mengesan beberapa perkembangan yang dilihat bakal mengugat keutuhan kebudayaan Melayu-Islam semasa seperti berikut:

**3.1. fenomena penghakisan patriotisme dan penaklukan bahasa kebangsaan yang didatangkan oleh gelombang globalisasi.** Secara lebih rinci lagi, terdapat beberapa perkara yang dimaksudkan ialah yang berikut;

- i. Ketiadaan dan semakin menurunnya semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia semasa dapat dilihat pada sikap sesetengah golongan muda yang terlalu menghargai dunia global sehingga melupakan kepentingan tanah air sendiri. Dalam hal ini, Mohd Noor (2004) menegaskan “Dunia mereka tidak lagi tanah air atau Negara ibunda, tetapi dunia globalisasi. Dunia globalisasi menuntut lebih banyak persamaan, seolah-olah menafikan kelainan.”
- ii. Pendekatan yang terlalu mendewa-dewakan bahasa Inggeris yang dianggap sebagai neraca utama kecekapan yang diperlukan untuk konteks dunia moden dapat dianggap sebagai proses penaklukan budaya yang cukup merbahaya. Tindakan ini bakal menyebabkan keunggulan bahasa tempatan seperti bahasa Melayu akan terjejas teruk, yang diulas oleh Hashim Musa sebagai (Hashim 2004) yang berikut:
  - a) Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya mengenepikan status bahasa Melayu

sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tidak lagi dihormati oleh rakyat jelata.

- b) Proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden.
- c) Peranan Bahasa Melayu sebagai perpaduan di Malaysia akan terjejas.
- d) Penggunaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di Bandar besar, sedangkan majoriti rakyat yang tinggal di kawasan pedalaman yang masih lemah menggunakan bahasa Inggeris akan tetap sama, yang menyebabkan jurang yang luas dalam soal ini akan menjadi semakin melebar.

### **3.2. Pertentangan konsep intelektual masyarakat.**

Konsep intelektual barat tidak sesuai digunakan untuk menerangkan tentang tradisi dan budaya intelektual Melayu-Islam. Hal ini disebabkan oleh perbezaan pandangan alam asas antara keduanya. Bagi konsep intelektual barat, seseorang intelek itu digunakan bagi merujuk kepada hal yang berikut;

- i. didokong dengan elemen agama, kerana mereka berpegang kepada manusia yang menggunakan potensi akal semata-mata tanpa fahaman Sekularisme yang menolak tuhan.
- ii. manusia yang mengambil inisiatif memikirkan masalah masyarakat dan mengemukakan jalan penyelesaian masalah yang difikirkan sesuai.
- iii. Manusia kreatif yang berpegang kepada falsafah Humanisme yang menjadikan kepentingan manusia sebagai teras asas perjuangan.

Berbanding dengan neraca Barat, tradisi intelektual Melayu- Islam boleh dirujuk kepada golongan ulamak, tua dan pemimpin masyarakat. Mereka biasanya bertindak dalam beberapa kapasiti yang khusus, merangkumi hal yang berikut:

- i. Sebagai pemikir, pendidik dan mengatur hubungan masyarakat agar menjadi lebih harmonis dan mengelakkan huru hara.
- ii. Manusia Rabbani yang mengaitkan hubungan dengan alam, masyarakat dan Allah.
- iii. Pemikir yang responsif dengan realiti semasa.
- iv. Pemikir yang berinteraksi dengan alam sehingga melahirkan konsep pengalaman (berguru dan belajar dengan alam)

Keempat-empat kapasiti ini boleh dilihat daripada perpatah perpatih, peribahasa, karya kitab Fiqh, mentera dan petua yang dihasilkan oleh golongan ini. Kesemuanya telah dijadikan bahan utama untuk mengajar dan mendidik masyarakat Melayu sejak zaman berzaman.

### **3.3. Pandangan Negatif Tentang Kemampuan Pemikiran Manusia Melayu.**

Dalam soal ini, kita dapat mengesan beberapa pandangan negatif yang dikaitkan dengan ketidakmampuan manusia Melayu di dalam membangunkan kerangka pemikiran sains yang bermutu tinggi, seperti berikut:

- i. Dakwaan ras Melayu yang lemah dari segi akal dan sikap sehingga menyebabkan mereka perlu dijajah bagi tujuan memtamadunkan manusia Melayu. Pandangan sinis ini merupakan stereotype yang ditanam oleh penjajah British bagi menjustifikasi tindakan mereka menjajah masyarakat Melayu. Pandangan ini telah dikritik hebat oleh Syed Hussin al-Attas yang menegaskan bahawa teori sarjana barat ini dibuat secara berat sebelah demi kepentingan ekonomi dan politik British semata-mata. Usaha Syed Hussin al-Attas ini telah mencetuskan falsafah Pasca-Kolonialisme yang mengkritik kesemua kelemahan yang diutarakan oleh sarjana penjajah barat. Apa yang boleh dibanggakan, usaha awal Syed Hussin al-Attas ini telah dipetik dan diperkemaskan lagi gagasannya oleh Edward Said yang kemudiannya telah menggugat keseluruhan korpus keilmuan orientalis klasik (Rahimin Affandi 2005).
- ii. Dakwaan bahawa orang Melayu adalah peniru daripada tamadun dan difusi luar semata-mata, tanpa mampu berfikir secara kreatif untuk membangunkan tamadun mereka sendiri. Pandangan ini sebenarnya berasaskan kepada falsafah *Diffusionisme* tajaan orientalis barat. Ia menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan, (Zainal Kling 1994) tetapi kerana faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru secara selektif oleh masyarakat Melayu.

Sikap ini secara terang-terang telah menafikan geligawan tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan yang tinggi (Turner 1984). Antara budaya asing yang kononnya telah mencirikan kebudayaan Melayu adalah Hindu-Buddha, Arab, India dan Parsi (Leur 1949). Kita boleh menolak teori ini dengan fakta

wujudnya fenomena mesra budaya dan pendekatan selektif yang diamalkan oleh manusia Melayu silam. (Rahimin Affandi 2003) Islam dalam banyak penegasan al-Quran mengakui keabsahan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat dengan sikap yang selektif. Islam pada prinsipnya tidak membawa ideologi ras dan etnik seperti agama Yahudi yang menganggap mereka sebagai bangsa pilihan tuhan (Ghazali 1999). Sebaliknya Islam adalah untuk manusia seluruhnya tanpa menghadkan keanggotaannya kepada bangsa Arab semata-mata. (*al-Qur'an* 49:13) Dengan tidak mengira bangsa dan tempat, sesuatu tamadun itu harus diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan apa yang baik dengan tapisan yang teliti agar ianya bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid. (Waqar Husaini 1980) Kedatangan Islam telah dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya Arab tempatan, tetapi ia telah menerima dan mengekalkan banyak budaya mubah ini ataupun ianya telah melahirkan (sentesis) budaya baru (Mona Abul Fadl 1995) hasil penerapan rapi dengan nilai-nilai Islam (Waqar Husaini 1980).

Sikap selektif yang disertakan dengan tapisan yang rapi telah dianggap sebagai punca utama yang menjadikan masyarakat yang menerima Islam telah dikesan mempunyai pencapaian keilmuan dan tamadun yang cukup tinggi. Pencapaian yang cemerlang ini juga dapat dikesan dalam masyarakat Melayu yang ditegaskan sebagai : “*within the space of decades, the Arabs had outgrown the phase of tribal parochialism to become the uncontested masters of an empire and the heralds of an open and expanding world community. This examples was not confined only to the history of the Arabs, for it was repeated in the case of Berbers, Turks, Mongols, Persians, Indians, Malays and the kongdoms in West and East Africa.* (Mona Abul Fadl 1995)

- iii. Pandangan yang mengatakan manusia Melayu hanya mampu berfikir dan berwacana tentang isu mitos dan bukannya membabitkan isu rasionalisme peringkat tinggi. Pandangan ini telah ditolak dengan teori Islamisasi dan perubahan paradigma pemikiran rasionalisme yang dikemukakan oleh al-Attas (al-Attas 1969). Memanglah diakui, pengaruh agama Hindu-Budha dan animisme masih wujud dalam pemikiran manusia Melayu. Namun begitu, mengikut al-Attas, pengaruh agama pra-Islam ini tidak begitu mendalam pengaruhnya di dalam pemikiran akliah masyarakat Melayu, kerana ia hanya dipakai untuk kegunaan golongan istana yang terhad. Hal ini kemudiannya telah mula berubah dengan kedatangan agama Islam yang mampu

menyuntik pemikiran rasionalisme dan egalitarian (menekankan elemen persamaan di kalangan anggota masyarakat) kepada masyarakat Melayu. Kalau dulunya golongan istana dan sesetengah rakyat awam hanya meminati kesah mitos dan dongeng, tetapi proses Islamisasi telah menyebabkan semua anggota masyarakat Melayu lebih terdedah kepada pemikiran rasionalisme berasaskan prinsip Tauhid.

- iv. Pandangan daripada tokoh Melayu sendiri yang menegaskan bahawa masyarakat Melayu memerlukan model dan paradigma barat untuk membangunkan pengetahuan sains. Lebih teruk lagi, bahasa Melayu dikatakan tidak mampu membangunkan pemikiran pengetahuan bertaraf tinggi seperti ilmu sains itu sendiri. Pandangan dangkal ini boleh ditolak dengan penegasan yang diberikan sendiri oleh saintis Melayu-Islam moden. Mereka secara langsung menempelak paradigma dan sikap yang masih taasub dengan warisan tinggalan penjajah British. Mereka mengkritik sikap pihak kerajaan yang dikatakan terlalu mengaku kalah dengan cara berserah dan bergantung sepenuhnya kepada keilmuan S&T barat, (Baharudin 1994) tanpa menyedari bahawa S&T barat di peringkat epistemologinya telah diresapi dengan idea dan ruh sekularisme yang tertanam secara halus di dalam keilmuan tersebut. (Yasien 1993)

#### **4. Ancaman Epistemologi Sekularisme-Liberalisme Barat Kepada Budaya Melayu**

Dalam perkembangan terbaru, kita dapat mengesan penyebaran fahaman liberalisme yang terkena terhadap kefahaman Islam di Malaysia. Dalam perkembangan semasa yang timbul bersama dengan kedatangan era globalisasi, kita dapat mengesan kelahiran fahaman liberalis di Malaysia telah didokong oleh beberapa penulis, *NGO* Islam dan beberapa ahli politik Melayu sendiri. Apa yang menyedihi kan, realiti ini memang diketahui ramai tetapi tiada langkah pencegahan yang konkrit yang telah dilakukan. Ini menyebabkan ianya berkembang secara diam-diam dan terselindung di sebalik status, gelaran orang politik dan *NGO* yang dikaitkan dengan Islam. Terdapat beberapa ciri-ciri utama yang dimiliki oleh golongan ini seperti berikut:

- i. Kesemuanya terdiri daripada kalangan yang tidak mendapat pendidikan agama secara formal atau secara relatifnya agak sederhana. Tanpa pengetahuan yang mendalam tentang tasawur dan

pandangan alam Islam, mereka lebih mudah terpengaruh secara langsung dengan fahaman liberalisme.

- ii. Mereka terdiri dari golongan yang mewarisi sifat dan semangat pemikiran sekularisme tinggalan bekas penjajah British. Selepas Malaysia merdekapun kalangan ini masih secara teguh berpegang dengan paradigma pemikiran penjajah. Hal ini dapat dilihat daripada sikap mereka yang secara mutlak berpegang kepada semua perkara yang diutarakan oleh genre orientalis Barat membabitkan persoalan inti dan kaedah (*knowhow*) untuk kajian terhadap Islam. Kenyataan ini tidak keterlaluan untuk ditonjolkan bertepatan dengan dua teori yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dan Syed Hussein Al-Attas. Mengikut Ibn Khaldun, nisbah realiti ketaksuhan ini boleh dilihat dari *teori jiwa hamba* yang dihidapi oleh bangsa yang pernah dijajah, yang akan menganggap kuasa bekas penjajah mereka sebagai suatu bangsa yang maju dan agung serta dianggap sebagai patut ditiru oleh bangsa yang pernah dijajah. Manakala bagi Syed Hussein al-Attas pula, beliau mengemukakan *teori mentaliti watak tertawan*, sikap yang terlalu pro nilai Barat yang dipegang sesetengah kalangan masyarakat di Malaysia. Antara sikap utama golongan ini ialah yang berikut:
  - (a) Sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada Barat.
  - (b) Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menangani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah.
  - (c) Mendapat pendidikan langsung daripada sistem pendidikan Barat dan sering taksub dengan teori dan bahan bacaan daripada Barat.
  - (d) Tidak mengamalkan sikap kritis dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber Barat.
  - (e) Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka. Ianya dikatakan sebagai penyakit bebal; *sifat akal dan rohani yang lemah, yang enggan berubah walaupun diberikan maklumat yang betul.*
- iii. Wujudnya pelbagai badan antarabangsa yang sanggup memberikan dana bantuan untuk menggalakkan penyebaran fahaman liberalisme di Malaysia. Seperti halnya dengan penjajahan di zaman sebelum kemerdekaan, taktik bantuan dana ini ternyata mampu memangkinkan proses penyebaran fahaman liberalisme. Kajian yang dilakukan mendapati terdapat beberapa *NGO* Malaysia yang

menggunakan dana daripada luar (Barat). Ianya boleh dianggap sebagai lanjutan daripada proses rangkaian antara kawasan Asia Tenggara dengan pemberi dana luar, seperti *Asia Foundation*, *Ford Foundation*, *Toyota Foundation*, *Fullbright* dan *Konhraf Adenour Foundation*. Di sebalik usaha untuk mempromosikan agenda kemanusiaan sejahtera, kesemua pemberi dana ini turut menetapkan agar penerima dana perlu mendokong fahaman liberalis, mengambil sikap yang pro terhadap agenda globalisasi (*New World order*) yang dibawa oleh negara Barat.

## 5. Ancaman Terhadap Pemikiran Melayu-Islam

Dalam suatu kajian penyelidikan yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Malaya, (Gran penyelidikan *FRGS* tahun 2008 FR006/2007A ) kita telah dapat mengesan beberapa pandangan tentang ajaran Islam yang dihasilkan oleh golongan ini, yang bertentangan dengan paradigma pemikiran Melayu-Islam seperti berikut:

- i. Mempersoalkan dan mempertikaikan teori pengaruh positif yang dibawa oleh proses Islamisasi ke atas masyarakat Alam Melayu. Kedatangan Islam dikatakan kurang berjaya di dalam menyebarkan agenda kebebasan yang sejati kepada umat manusia, sebaliknya ia telah melakukan penindasan terhadap masyarakat bukan Islam.
- ii. Kelemahan pemikiran masyarakat Melayu-Islam berpunca daripada ketidaaan kerangka pemikiran falsafah yang tinggi. Islam yang datang di peringkat awal tidak memiliki elemen falsafah ini, tetapi lebih diwarnai dengan pengaruh budaya *Taqlid* yang secara kuat mendominasi dunia intelektual umat Islam pada masa itu.
- iii. Memperbesar-besarkan impak positif yang dibawakan oleh penjajah British di Tanah Melayu - pihak British telah berjaya mengubah epistemologi rasional saintifik masyarakat Melayu yang dulunya dikongkong oleh pemikiran tradisionalis yang kolot dan ketinggalan zaman. Pihak British juga keronnya telah berjaya menghapuskan amalan kasta yang diamalkan oleh masyarakat Melayu.
- iv. Mereka berusaha keras mendokong agenda liberalism (kebebasan dan hak asasi manusia) dalam setiap perlakuan dan pemikiran manusia. Dalam soal ini, pelbagai syiar dan autoriti Islam dipersoalkan, kerana kesemua autoriti Islam ini dilihat

bertanggungjawab menghalang agenda liberalisme ini. Mereka menentang keras terhadap fahaman ortodoksi yang kononnya menegaskan bahawa golongan ulamak-pemerintah yang menguasai dan memonopoli pentafsiran Islam yang sejati. Lebih lanjut lagi, gabungan erat antara kedua autoriti ini telah dipergunakan sepenuhnya bagi tujuan pengekalan *status quo* mereka, sehingga sanggup menindas sesetengah golongan yang cuba mencabar dominasi kuasa ini.

- v. Isu yang mencabar dominasi dan keistimewaan hak bumiputera Melayu-Islam – kononnya bertentangan dengan nisbah persamaan hak asasi semua warganegara bukan Islam di Malaysia. Mereka sering menimbulkan isu yang mencabar konsep jati diri Melayu yang sinonim dengan pengikut Islam. Sebaliknya isu jati diri Melayu cuba ditolak dengan cara bertolak ansur dan mendokong peluang untuk seseorang Melayu murtad serta sanggup memberikan khidmat guaman untuk mempertahankan hak ini. Secara tidak langsung mereka berpegang dengan fahaman Pluralisme agama, yang menganggap semua agama adalah sama di sisi tuhan dan boleh membawa kesejahteraan kepada umat manusia.
- vi. Penolakan dan cabaran terhadap warisan tradisi ulamak silam. Berpandukan kerangka epistemologi sekular-Liberalisme, golongan ini telah mencabar warisan kitab *Turath* silam. Dalam membuat tafsiran terhadap ajaran Islam, golongan ini telah menggunakan kaedah yang longgar dan bertentangan dengan kaedah sarjana Islam silam. Memandangkan elemen tradisi perlu ditanggap secara negatif, mereka enggan menerima syarat asas pengetahuan Islam yang ditetapkan oleh sarjana Islam silam, seperti berikut:
  - a) Kepentingan mengetahui bahasa Arab untuk mendalami kandungan *al-Qur'an* dan *Sunnah*. Bagi golongan ini, pada masa sekarang, pemahaman terhadap ajaran Islam boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang mampu memahami bahasa Inggeris, khususnya dengan membaca bahan rujukan ajaran Islam yang dihasilkan oleh sarjana Barat.
  - b) Menolak *Hadith Rasulullah* sebagai salah satu sumber hukum Islam yang berotoriti bagi memperincikan kandungan *al-Qur'an*. *Hadith* adalah ciptaan ulamak Islam pada abad kedua Hijrah yang dinisbahkan kepada Rasulullah sebagai cara untuk mendapatkan keabsahan otoritinya.

- c) Imam Shafi'i adalah orang utama yang perlu dipersalahkan kerana beliau merupakan orang pertama yang mengemukakan teori hadith sebagai otoriti pegagan selepas *al-Qur'an* dan mengasaskan kerangka ilmu *usul al-fiqh* yang perlu dipakai untuk membangunkan sistem fiqh Islam.
  - d) Pemimpin umat Islam perlu menjalankan dasar pemerintahan mengikut kesesuaian dengan realiti tempatan tanpa perlu terikat dan mengikut apa yang dijalankan oleh *Rasulullah* melalui sunahnya.
  - e) Semua taklif syarak yang difardukan kepada umat Islam tidak didatang dan bersumberkan kepada otoriti *hadith*, tetapi semuanya pada hakikatnya telah diwariskan sejak zaman Nabi Allah Ibrahim lagi.
  - f) *Hadith* hanya akan menyebabkan umat Islam menjadi fanatik, mundur dan tidak bersifat intelektual, memandangkan hadith itu sendiri bertentangan dengan *al-Qur'an*, sains dan sejarah kemanusiaan.
  - g) Isu penentangan terhadap fahaman ortodoksi yang kononnya menegaskan bahawa golongan ulamak-pemerintah yang menguasai dan memonopoli pentafsiran Islam yang sejati. Lebih lanjut lagi, gabungan erat antara kedua autoriti ini telah dipergunakan sepenuhnya bagi tujuan pengekalan *status quo* mereka, sehingga sanggup menindas sesetengah golongan yang cuba mencabar dominasi kuasa ini.
- vii. Penghinaan Terhadap Peribadi *Rasulullah* Dan Ulamak Silam. Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia memang cukup sensitif dengan isu kerasulan *Rasulullah*. Namun sejak kebelakangan ini kita telah dikejutkan dengan wujudnya beberapa golongan yang kononnya berstatus sarjana, yang telah memberikan tafsiran yang mengelirukan tentang Islam. Apa yang menyedihkan, terdapat beberapa idea yang mencabar kesucian diri *Rasulullah* sendiri dan ulamak Islam. Antara pandangan yang boleh dimasukkan dalam bentuk yang menghina *Rasulullah* seperti berikut;
- a) Tindakan yang secara terang-terangan menghina peribadi *Rasulullah*, yang digambarkan sebagai seorang biasa dan mementingkan hawa nafsu dengan memiliki ramai isteri dan gundik.( Farish 2000)
  - b) Perjuangan *Rasulullah* bukannya berbentuk Risalah Kenabian seperti mana termasuk dalam rangkaian kenabian yang terdahulu, tetapi lebih berbentuk perjuangan kemanusiaan seperti tokoh-

tokoh yang lain; perjuangan berasaskan Arabisme (pemimpin kabilah) yang bertujuan mengangkat martabat bangsa Arab berbanding dengan bangsa bukan Arab (Farish 2001). Apa yang memalukan lagi, pandangan ini bertentangan sama sekali dengan nisbah keunggulan yang telah diberikan sendiri oleh penulis barat yang begitu menyanjung kehebatan perjuangan *Rasulullah*. (Watt 1951)

- c) Sifat yang menyama tarafkan antara peribadi *Rasulullah* dengan tokoh lain, dengan tidak perlu menerima otoriti dan butiran pengajarannya yang terkandung di dalam *Sunnah Rasulullah*. Sebaliknya, penganut Islam hanya perlu berpegang kepada sumber *al-Qur'an* semata-mata. (Mohd. Napiah 1998) Pandangan ini merupakan taktik terpenting orientalis di dalam menolak kesucian Rasulullah dan segala perkara yang dikaitkan dengan Baginda, dengan harapan kemudiannya dapat membuktikan kesalahan ajaran Islam yang terbina di atas keterangan *al-Qur'an* dan *Sunnah Rasulullah*.
- d) Tindakan yang menyebarkan sikap dan pendekatan mungkar ala barat yang menganggap biasa sesuatu pandangan yang menghina diri *Rasulullah* dan tokoh agama, yang kononnya bersesuaian dengan konsep kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat yang amat ditekankan oleh pemikiran demokrasi moden. Akibatnya, anggota masyarakat termasuklah penganut Islam akan mengamalkan *sikap tidak apa* terhadap tindakan yang mengutuk Rasulullah, seperti mana berlaku secara berleluasa dalam masyarakat barat. (Wan Mohd Nor 2001)

## **6. Ancaman Gerakan Liberalisme Muslim Di Malaysia Bersama NGO Bukan Islam**

Gerakan liberalisme di Malaysia seperti *Sisters in Islam (SIS)* dan Forum Iqra/Jemaah *al-Qur'an* Malaysia juga turut terlibat, di dalam gerakan yang berbentuk praktikal menyokong tuntutan yang dibawa oleh *NGO* bukan Islam. Contoh-contohnya seperti berikut:

### **6.1 Menyokong Tuntutan IFC**

Selain memainkan peranan di akhbar *SIS* dan Jemaah *al-Qur'an* Malaysia juga dilihat menonjol dalam menyokong penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (*IFC*) yang diseminarkan pada 24 Februari 2005. (Anis Shakila 2006) *IFC* merupakan suruhanjaya yang ditubuhkan

oleh Majlis Peguam Malaysia dan disokong oleh Majlis Perundingan Malaysia bagi Ajaran Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (*MCCBCHS*) dan Yayasan Konrad Adenauer. Kehadiran Yayasan Konrad Adenauer dalam usaha menubuhkan *Inter Faith council (IFC)* ini amat diragui kerana yayasan ini beribu pejabat di Jerman dan cuba mecampuri urusan dalaman Negara ini. IFC juga mempunyai peranan sebagai penyiasat, perantara, perunding dan pendamai terhadap dakwaan perbuatan yang menjelaskan keharmonian agama.

Pada asalnya *IFC* ialah *IRC –Inter Religious Council* adalah sebuah suruhanjaya yang dicadangkan seperti badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesetengah agama, akibat daripada desakan penganut agam lain. Badan ini berfungsi mirip SUHAKAM yang menerima dan melayan aduan –aduan berkaitan agama. *IFC* digagaskan penubuhan oleh *MCCBCHC (Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, and Sikhism* atau Majlis Perundingan Malaysia agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh) melalui memorandum kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Ogos 2001. Matlamat penubuhan *IFC* adalah untuk meminda beberapa ajaran asas Islam yang akan merosakkan akidah umat Islam dan berpihak kepada kepentingan orang-orang Bukan Islam. Tuntutan orang-orang bukan Islam melalui *IFC* ialah yang berikut:

- a. Seseorang anak yang dilahirkan oleh ibubapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam.
- b. Orang-orang bukan Islam yang telah memeluk agama Islam hendaklah diberikan kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak dikenakan tindakan undang-undang.
- c. Sebarang kes pertukaran agama Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh mahkamah sivil.
- d. Tidak perlu dicatatkan di dalam kad pengenalan seseorang Muslim bahawa ia beragama Islam.
- e. Orang-orang bukan Islam tidak perlu dikehendaki menganut agama Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam hendaklah dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa boleh dikenakan apa-apa tindakan undang-undang.
- f. Seseorang pasangan suami atau isteri yang menukar agama dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak jagaan anak.
- g. Orang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang yang memeluk Islam hendaklah diberikan hak menuntut harta pusaka selepas kematiannya.

- h. Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggarakan rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana untuk masjid.
- i. Orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya.
- j. *Bible* dalam bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia sepatutnya dibenarkan edar secara terbuka.
- k. Pelajaran agama bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah.
- l. Program-program berunsur Islam dalam bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan. Program dakwah agama lain selain Islam pula hendaklah dibenarkan untuk disiarkan dalam bahasa ibunda masing-masing.
- m. Orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan membayar cukai pendapatan dan wang hasil zakat sepatutnya digunakan juga untuk keperluan orang bukan Islam.
- n. Islam tidak disebut sebagai pilihan pertama masyarakat seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah.

Apa yang boleh dibanggakan, tuntutan *IFC* ini telah mendapat tentangan habis-habisan oleh pelbagai *NGO* Islam dan ditolak cadangan penubuhannya oleh pihak kerajaan sendiri. Penolakan *NGO* Islam ini membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia masih beristiqamah mempertahankan dominasi Islam di dalam masyarakat Malaysia. pertubuhan yang menolak *IFC* ini dilaksanakan di Malaysia, *ACCIN* (*Allied coordinating Committee Of Islamic N.G.O.s*) dengan tepat menjangkakan keburukan Suruhanjaya *IFC*. (*Mustafa Ma 2005*)

## **6.2 Kempen Anti-Kawalan Moral**

Pada awal tahun 2005, *SIS* bersama dengan *NGO* bukan Islam telah berusaha memperjuangkan pengembangan budaya hedonisme secara langsung apabila mereka melancarkan kempen anti kawalan moral oleh pihak berkuasa agama dan kerajaan tempatan. Kempen ini dilancarkan ekoran tindakan para penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menahan lebih 100 orang pengunjung kelab malam Zouk di Kuala Lumpur. Mereka ditahan atas pelbagai kesalahan seperti kesalahan meminum arak dan berpakaian kurang sopan, termasuklah seorang artis remaja Jeslina Hashim. Bagi *SIS*, tindakan pihak JAWI dianggap bertentangan dengan konsep liberalisme barat yang memberi

hak kebebasan individu melakukan apa sahaja tindakan yang diinginkannya. Menurut mereka: “*bagaimana seseorang itu berpakaian dan di mana, bagaimana dan dengan siapa mereka ingin bergaul adalah terserah kepada pilihan individu itu sendiri.*”

### **6.3 Kes Kumpulan Artikel 11**

Kumpulan Artikel 11 ditubuhkan pada bulan Mei 2004, yang mengabungkan 13 NGO memperjuangkan usaha untuk menegakkan keluhuran perlembagaan dan mengalakkan kebebasan beragama di Malaysia. Kumpulan Artikel 11 ini menolak diskriminasi individu atas dasar agama, bangsa, tempat lahir atau jantina. Mereka mengesahkan kebebasan berfikir, beragama dan suara hati setiap individu dihormati, dijamin dan dilindungi. Dalam surat terbuka kepada pihak kerajaan, mereka menyatakan komitmen yang teguh terhadap perlembangan Malaysia sebagai Negara secular dan hak kebebasan beragama.

Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung dalam *Kes Che Omar Lawan Pendakwaraya*, kumpulan ini berpendapat bahawa undang-undang Malaysia adalah bersifat sekular. Justeru itu, mereka mengkritik mahkamah sivil yang enggan melayani kes-kes yang mempunyai elemen undang-undang Islam berdasarkan peruntukan perkara 121 (1A) Perlembangan Persekutuan. Mereka seterusnya menggesa kerajaan agar memansuhkan perkara 121 (1A) untuk membolehkan Mahkamah sivil mendengar kes-kes yang sepatutnya berada dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah.

### **6.4 Kes Kerajaan Langit Ayah Pin dan Kes Kamariah Ali**

*SIS* secara lantang membela kebebasan Ayah Pin untuk menganut agamanya sendiri dan menempelak hebat kewibawaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu dan tindakan Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu yang mengishtiharkan ajaran kerajaan langit Ayah Pin sebagai sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam. *SIS* dan SUARAM menyifatkan tindakan pihak berkuasa agama ini sebagai penindasan terhadap kelompok agama minority dan pencabulan hak kebebasan beragama. SUARAM telah menfaillkan aduan kepada Rapporteur Khas Mengenai Hak Kebebasan Beragama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan mendakwa bahawa pihak kerajaan telah melakukan penindasan terhadap Ayah Pin dan pengikutnya. Hal yang sama dilakukan dalam *Kes Kamariah Ali & Ors Lawan Kerajaan Kelantan & Anor*. Dalam kes ini

Daud Mamat, Kamariah Ali, suaminya Mohamad Ya dan Md Yaacob Ismail telah melakukan kesalahan yang secara terang-terangan mengaku telah murtad sebagai cara untuk melepaskan diri daripada hukuman Mahkamah Syariah, sebagai akibat daripada keterlibatan mereka dengan kumpulan ajaran sesat.

### 6.5 Kes Azlina Jailani (Lina Joy)

*SIS* dan *NGO* bukan Islam seperti kumpulan Artikel 11 secara lantang membela tuntutan Azlina Jailani yang telah murtad untuk menukar status agama Islam kepada agama Kristian di dalam Kad Pengenalannya. Walaupun tuntutan ini telah ditolak oleh Pihak Mahkamah Agung di Malaysia, namun *SIS* dan *NGO* terbabit masih lagi mengungkit kes ini sebagai bertentangan dengan kebebasan individu seperti mana dibawa oleh fahaman liberalisme barat.

Dalam konteks masyarakat Melayu semasa yang masih berpegang dengan pandangan alam Islam, perkembangan Sekularisme-Liberalisme dilihat bakal menyuburkan lagi budaya humanisme yang memang dibawa oleh gelombang globalisasi ke Malaysia. Budaya Humanisme ini berpandukan sepenuhnya kepada akal dan nafsu manusia semata-mata. Mengikut pandangan faham sekularisme, neraca utama bagi sesuatu kebenaran, etika dan perbuatan yang baik itu bergantung kepada perkara berikut (Rahimin Affandi 2003):

- (a) Prinsip vitalisme – apa-apa sahaja yang berbentuk kuat dan menguntungkan dari segi kebendaan akan dianggap sebagai baik.
- (b) Prinsip kreativiti – apa-apa sahaja yang boleh mencetuskan daya kreativiti dan menghasilkan ciptaan baru akan dianggap sebagai baik dan bermutu.
- (c) Prinsip relatif – tidak ada suatu pun konsep dan pemahaman terhadap sesuatu fakta ataupun teori yang bersifat mutlak dan kekal. Sebaliknya semuanya boleh berubah mengikut perubahan zaman dan perkembangan ilmu pengetahuan.
- (d) Prinsip hedonisme – apa-apa sahaja yang boleh memuaskan hawa nafsu manusia akan dianggap sebagai baik, manakala apa-apa sahaja yang boleh membawa penderitaan nafsu akan dianggap sebagai buruk.
- (e) Prinsip majoriti masyarakat – apa-apa sahaja yang disukai oleh tren dan kecenderungan sesuatu masyarakat akan dianggap sebagai baik.

Dengan berkembangnya budaya mungkar ini, sedikit sebanyak program pendidikan Islam di dalam keluarga dan masyarakat akan

mengalami penyusutan yang amat ketara sekali, kerana terpaksa berhadapan dengan budaya yang kelihatannya menarik dengan hawa nafsu serakah manusia. Bersesuaian dengan teori yang mengatakan sesuatu masyarakat pasti akan terpengaruh dengan difusi budaya luar, teori ini dapat dianggap sebagai cukup relevan untuk konteks era globalisasi pada masa sekarang, yang menyaksikan bagaimana difusi pengaruh negatif daripada luar dapat dikesan dengan cukup meluas berkembang di dalam masyarakat Malaysia semasa.

## 7. Kesimpulan

Kesimpulannya, kita dapat menyimpulkan bahawa masyarakat Melayu sejak zaman berzaman mampu membangun tamadun Alam Melayu yang cemerlang dan menghadapi cabaran difusi budaya menggunakan mekanisme budaya Melayu yang mendapat sentuhan Islam. Ianya menjadi akar dan tunjang utama kekuatan masyarakat Melayu. Namun begitu, kedatangan era globalisasi dengan dominasi budaya sekularisme barat sebagai asasnya sedikit sebanyak telah mencacatkan keutuhan budaya Melayu. Berhadapan dengan cabaran ini, penganut Melayu-Islam di Malaysia perlu mengamalkan sikap proaktif dengan menganalisa sebarang ancaman daripada pengaruh globalisasi dan mempersiapkan diri untuk menyelesaikan masalah ini.

## Bibliografi

- Abdul Rahman E. 2005, Persoalan Pasca Kolonialisme. Dalam Mohamad Daud (pnyut.), *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur : DBP.
- 2000. Wacana Globalisasi Dalam (Noraini O & Mandal S. *Malaysia Menanggani Globalisasi : Peserta Atau Mangsa*. Bangi : Penerbit UKM.
- al-Attas S.M.N. 1969 *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur : DBP.
- An-Najar A.M. 2002. *Kebebasan Berfikir Dalam Islam*, Jakarta: Pustaka Firdaus

- Baharudin A. 1994. *Falsafah Sains Dari Persepktif Islam*. Kuala Lumpur : DBP.
- Farish A.N. 2000. "Let Islam lead the way with its progressive view on sexuality. *NST*, 4 November, 2000.
- 2001. "The Myth surrounding the Islamic state". *NST*, 1 Disember 2001.
- Ghazali D. 1998. *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat*. Kuala Lumpur : Utusan Publication
- Gran penyelidikan FRGS tahun 2008 FR006/2007A. Islam Antara Liberalisme Dan Konservatisme Di Malaysia.
- Hashim M. 2004. *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur : Penerbit UM.
- Hassan A. 2006. *Memperkasa Bangsa Melalui Kekuatan Dalaman : Ke arah Kelahiran Melayu Glocal*. Kuala Lumpur : Alaf 21 Sdn Bhd.
- Leur L.C. 1955. *Indonesian Trade And Society*, The Hague, h. 169; Landon 1949. *Southeast Asia : Crossroad of religions*. Chicago.
- Maimunah O. 2004. *Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohd Hazim S.A.M. 2005. "Epistemology Colonial : Satu Analisis Cirri Dan Kesannya". Dalam Mohamad Daud M. (nyut.). *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur : DBP.
- Mohd Kamil A.M. 2009. Paradigma Wasatiyyah Dan Dailog Peradaban : Satu Analisis. *Jurnal Peradaban*, Pusat Dailog Peradaban UM, 2: 93-118.
- Mohd. Napiyah A. 1998. Penolakan hadith oleh orientalis dan penulis Islam. *Islam dalam Persepsi Orientalisme*. Terbitan Tak berkala no. 3, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.

Mona M. Abul Fadl 1995. *Toward Global Cultural Renewal : Modernity And The Episteme Of Transcendece*. Herndon.

Mustafa M. 2005. *Ancaman Terhadap Hak-Hak Orang Islam. Persidangan Implikasi Cadangan Penubuhan IFC Terhadap Hak-Hak Orang Islam*. Kuala Lumpur.

Noriati A. R. 2005. Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 3(1).

Norazit S. 1994, Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu. Dalam *Budi Kencana : Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien*, Kuala Lumpur : APMUM.

Noor Azam M. 2004. Dalam Ruangan Cetusan Minda. *Berita Minggu*. Ahad 19hb September 2004.

Osman B. 2003. Globalisasi dan peradaban. Dalam Aziz A.D. (pnyut.), *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur : DBP.

Rahimin Affandi A.R. 1999. Krisis Remaja Dan Media Massa Di Malaysia : Suatu Tinjauan Dari Perspektif Islam. Dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 10 Agama Islam Negeri Sembilan, di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan, Seremban, pada 25hb. Mac 2003.

- 2003a. Al-Quran Dan Peranan Ulamak Melayu Dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu. Dalam Mohd Radzi O. (pyt.) *Warisan Al-Quran Dan Peradaban Manusia Siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- 2003b. Keistimewaan Islam Sebagai Sistem Hidup Yang Lengkap: Dalam *Seminar Keindahan Islam 2003 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus*, Anjuran Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal.

- , 2004. Menangani Cabaran Globalisasi : Satu Analisis Terhadap Pemikiran Reformis Semasa. Dalam Mohd Fauzi H., Mohd Fakhruddin A.M. & Che Zarrina S. (pyt.) *Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM.
- , 2005a. Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia : Satu Telaah Awal *Jurnal Syariah* 13(1).
- , 2005b. Citra Islam Dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden Di Malaysia : Suatu Analisa. *Jurnal Pengajian Melayu* 1.
- Shafie A.B. 2000. Pengaruh Dan Kekuatan Islam Dalam Persuratan Melayu. Dalam *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur : DBP.
- Turner B.S. 1984. Gustave E. Von Grunebaum And The Mimesis Of Islam. Dalam *Orientalism, Islam And Islamist*, Vermont : Amana Books Inc.
- Waqar S. A. Husaini 1980. *Islamic Environmental System Engineering*. London.
- Watt W.M. 1951. Clarlyle on Muhammad. *The Hibbert Journal*, v. xlix,
- Yasien M. 1993. Islamization: A Revivalist Responce To Modernity. *Muslim Education Quarterly* 10(2).
- Zainal Kling. 1994. *Antropologi Tafsiran : Sumbangan Kebudayaan Malaysia Kepada Teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor, Kuala Lumpur.